

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
30 JULAI 2015**

---

**1. PEGAWAI BARU BERJAWATAN TETAP KUMPULAN  
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Sukacita dimaklumkan, MPSP telah melantik seorang pegawai Pengurusan & Profesional pada 13 Julai 2015 di dalam usaha memantapkan lagi pentadbiran Majlis. Pegawai tersebut, adalah Puan Rhubinii A/P Nataraja, Pegawai Undang-Undang gred L52 yang ditugaskan di Jabatan Undang-Undang sebagai Pengarah Undang-Undang.

**2. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Program *MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai* (MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai) akan diadakan untuk kali ke-4 pada 2 Ogos 2015 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengahari.

Program *MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai* ini memberi peluang kepada warga Seberang Perai untuk menyertai aktiviti

riadah senamrobik dan berbasikal di kawasan tersebut pada waktu pagi. Program ini juga dilihat sebagai satu usaha untuk mengurangkan pencemaran udara dan meningkatkan kesedaran mencintai alam sekitar dalam kalangan penduduk dan juga menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat. Pelbagai aktiviti lain seperti pameran pendidikan mesra alam, gerai-gerai jualan, permainan tradisional akan dapat disertai oleh orang ramai.

Justeru, saya mengharapkan dengan adanya kegiatan seumpama ini, orang ramai akan turut serta bagi menghidupkan Bandar Seberang Perai menjadi *liveable city* dan masyarakat akan lebih prihatin dengan tanggungjawab mereka untuk mewariskan persekitaran yang bersih, hijau, selamat dan sihat untuk generasi akan datang.

### **3. SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS KE KE-41**

Dimaklumkan bahawa Perayaan Hari Majlis akan diadakan pada hari Sabtu, 8 Ogos 2015 bertempat di Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda, Bukit Mertajam. Program ini bermula jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari dan akan disempurnakan oleh Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Terdapat pelbagai aktiviti seperti

Pelancaran Video Korporat MPSP, Galeri MPSP, Pelancaran Risalah (Kesepakatan Komuniti membawa Berkat), Kaunter Pengurangan Kompaun, Pameran dan Gerai Jualan. Bersempena dengan sambutan perayaan Hari Majlis terdapat juga program seperti Penyampaian Anugerah Pekerja Contoh Tahun 2015, Penyampaian Hadiah Pertandingan Zon/ Individu 5S Terbaik, Pertandingan Sukan MPSP dan Pertandingan Pencarian Bakat Pengacara Majlis. Sambutan Hari Keluarga dan sukaneka untuk warga MPSP juga akan diadakan pada hari yang sama.

#### **4. CERAMAH PERDANA**

Pada hari Jumaat, 31 Julai 2015 jam 9:00 malam bertempat di Masjid Daerah SPT, Bandar Perda, Bukit Mertajam akan diadakan Ceramah Perdana bertajuk “Kualiti dan Keharmonian Dalam Kehidupan” bersempena dengan sambutan perayaan Hari Majlis ke-41. Semua warga Seberang Perai dijemput untuk bersama-sama menghadiri majlis ilmu ini dan panel adalah Ustaz Sharhan Shafie.

#### **5. PESTA PINGGIR BUTTERWORTH (BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL)**

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri Pulau

Pinang juga kerjasama Think City Sdn.Bhd dan *George Town Festival* (GTF) buat julung kalinya akan merealisasikan menganjurkan Pesta Pinggir Butterworth [*Butterworth Fringe Festival* (BFF)] pada 15-16 Ogos 2015 (Sabtu-Ahad) di Jalan Jeti Lama, Butterworth. Pesta Pinggir Butterworth [*Butterworth Fringe Festival* (BFF)] akan menjanjikan pelbagai kelainan aktiviti yang menarik untuk masyarakat melihat dan menghayati dengan lebih dekat pelbagai persembahan kebudayaan tempatan dan antarabangsa. Pelbagai acara yang bakal dipersembahkan akan menjadikan Butterworth sebagai hub acara inovatif, kreatif dan persembahan kebudayaan dan juga cara hidup masyarakat. Antara acara yang akan dipersembahkan adalah *Victoria & Armenian Street Project, The French Flavour, Voluminosity, Cette Immense, Snuff Puppets*, Pertunjukan Kebudayaan dan Kesenian oleh penduduk tempatan dan pelbagai lagi acara yang berteraskan asimilasi budaya serantau. Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Think City dan George Town Festival mengharapkan komuniti setempat khususnya dan seluruh negeri Pulau Pinang sama-sama hadir bagi menjayakan festival ini. Komitmen semua pihak adalah menjadi pemangkin utama dalam menjayakan program ini dan kolaborasi secara holistik yang wujud dalam pelaksanaan Pesta Pinggir Butterworth [*Butterworth Fringe Festival* (BFF)] diharapkan

menjadi pemangkin dalam meningkatkan lagi kegemilangan Butterworth sebagai sebuah bandar yang bakal menjadi hub pengangkutan di Koridor Wilayah Utara dan serantau. BFF akan muncul sebagai salah satu produk pelancongan yang mempunyai *multiplier effect* bagi memacu kemajuan industri pelancongan dan lain-lain industri sokongan negeri Pulau Pinang. Pesta Pinggir Butterworth [*Butterworth Fringe Festival* (BFF)] akan dirasmikan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang pada 15 Ogos 2015, 4:00 petang.

## **6. LARIAN MENARA MPSP 2015**

Pada 16 Ogos 2015 (Ahad) akan diadakan Larian Menara MPSP 2015, di bangunan MPSP, Bandar Perda. Program tersebut bermula jam 5:30 pagi hingga 11:30 pagi. Jarak larian adalah sejauh 7 kilometer + 412 anak tangga hingga ke tingkat 16. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 2 Ogos 2015. Pada tahun ini, kita mensasarkan penyertaan sebanyak 1500 peserta. Tuan/puan adalah dijemput untuk hadir dan turut serta bagi memeriahkan lagi program tersebut.

## **7. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 2 Ogos 2015 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 16 Ogos 2015 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 23 Ogos 2015 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

## **8. SELAMAT MENYAMBUK HARI KEMERDEKAAN YANG KE 58 PADA 31 OGOS 2015**

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-58 pada 31 Ogos 2015 (Isnin) kepada seluruh warga Seberang Perai dan Negeri Pulau Pinang. Hari tersebut merupakan hari cuti umum.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**